

30 JUN 1999

DR MAHATHIR LANCAR GERAK MESRA WANITA

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Program Gerak Mesra Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Program anjuran Pergerakan Wanita Umno itu bertujuan menggerakkan wanita dengan kerja-kerja parti dan persiapan menghadapi pilihan raya.

Seramai 1,682 orang hadir pada majlis itu.

Mereka akan menjalani latihan selama empat hari di 10 kem latihan di seluruh negara.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menyampaikan ucapan utama kepada peserta dalam majlis tertutup itu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Naib Presiden yang menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

-- BERNAMA

NZ PR